

# Didik anak kemahiran urus konflik seawal usia 3 tahun

**Kuala Lumpur:** Ibu bapa perlu memberi pendedahan kemahiran penyelesaian konflik kepada anak seawal usia tiga hingga empat tahun bagi membantu mereka membangunkan kemahiran sosial dan mengekalkan kesejateraan emosi.

Pensyarah Kanan, Jabatan Pembangunan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Siti Noormi Alias, berkata mengajar kemahiran penyelesaian konflik kepada anak adalah sebahagian daripada kemahiran keibubapaan positif.

Katanya, dengan memberi pendedahan yang bersesuaian mengenai pengurusan konflik, ibu bapa dapat memperkasakan anak dengan sifat empati, kasih sayang, membangun kaedah komunikasi berkesan dan membentuk peribadi mereka.

"Konflik kanak-kanak yang dilahirkan dengan ketersediaan pelbagai jenis teknologi pada zaman ini adalah kompleks.

"Konflik yang mereka hadapi bukan lagi terhad berlaku melalui interaksi bersemuka, malah turut terdedah dengan pelbagai jenis konflik yang berlaku di alam maya.

"Melalui penggunaan pengukuhan positif yang bersesuaian, ibu bapa dapat memperkasakan anak untuk menganal pasti gejala konflik dan kaedah terbaik untuk menangannya.

"Pada usia seawal tiga hingga empat tahun, kanak-kanak sudah mula terdedah dengan konflik dengan ibu bapa, adik-beradik dan rakan sepermainan.



Siti Noormi Alias

"Justeru, kebolehan mengawal situasi melalui pengaplikasian kaedah mengurus konflik.

"Melalui proses ini, mereka akan belajar mengenai kewujudan perbezaan dan kepelbagaiannya, kecenderungan untuk berlakunya bias dalam pemilihan dan keperluan untuk mencapai kata sepakat," katanya.

Siti Noormi berkata, faktor usia yang masih terlalu muda, pengenalan kemahiran sebegini dapat mengelak mereka daripada masalah buli atau diasangkan oleh rakan.

Anak berasa lebih berkeyakinan untuk menyatakan kehendak mereka pada masa sama turut mempertimbangkan keper-

luan orang lain atau lebih berimbang rasa.

## Beri contoh amalan baik

Antara strategi digunakan oleh ibu bapa adalah dengan menunjukkan contoh amalan yang baik, sekali gus dapat menjadi model kepada anak-anak.

"Antaranya menggunakan nada suara sesuai mengikut situasi, mengawal emosi dan membiasakan perbincangan sesama ahli keluarga untuk menyelesaikan sesuatu isu.

"Anak perlu diperkenalkan dengan komunikasi tanpa keganasan dan komunikasi terbuka.

Mereka perlu diberi pemahaman bahawa pemilihan perkataan, ekspresi muka, gestur badan dan sebagainya boleh memberi kesan kepada orang lain," katanya.

Ibu bapa juga boleh membentuk persekitaran yang mengga-

lakkan komunikasi terbuka supaya anak dapat menyatakan perasaan dan pandangan mereka.

"Empat langkah menguruskan konflik, iaitu merangkumi giliran anda, giliran saya, perancangan bersama dan tindakan susulan boleh diamalkan oleh ibu bapa dalam interaksi harian bersama anak-anak.

"Empat langkah ini antara strategi mengajar anak teknik penyelesaian masalah.

"Akhir sekali, tindakan susulan penting bagi kedua-dua pihak untuk menilai sama ada konflik itu berjaya diselesaikan ataupun tidak berdasarkan kriteria ditetapkan.

"Jadi, kemahiran pengurusan konflik penting kepada anak dan ibu bapa boleh mengaplikasikan pelbagai teknik bagi memberi pendedahan kepada mereka," katanya.